

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**SOALAN:**

**YB Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ] minta PERDANA MENTERI menyatakan anggaran kos kerugian keseluruhan akibat banjir di seluruh negara dan adakah musibah itu telah memberi kesan kepada belanjawan negara yang telah dibentangkan.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Ekoran dari kejadian banjir ekstrem 2014-2015, Kerajaan telah mengalami kerugian yang sangat besar. Sepertimana yang telah dimaklumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pengumuman Semakan Bajet 2015 lalu, kerosakan dan kerugian harta benda dan infrastruktur awam pada banjir kali ini dianggarkan sebanyak RM2.9 bilion.

Antara tindakan-tindakan yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu mangsa-mangsa banjir yang terlibat serta membaik pulih infrastruktur yang terjejas teruk akibat banjir tersebut adalah seperti berikut:

- a) Sebagai peruntukan awalan, Kerajaan menyediakan RM800 juta untuk membaiki dan membina semula infrastruktur asas seperti sekolah, hospital, jalan raya dan jambatan;
- b) Penyediaan peruntukan tambahan sebanyak RM500 juta sebagai bantuan permulaan atau *initial allocation* untuk kerja-kerja baik pulih dan program kebajikan mangsa banjir, tambahan kepada tabung Majlis Keselamatan Negara; dan
- c) Penyediaan peruntukan berjumlah RM893 juta bagi Bajet 2015 untuk pelaksanaan projek rancangan tebatan banjir di seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.